

Struktur dalam zon ricih di kawasan Genting Sempah, Selangor

Zaiton Harun, Jabatan Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Di km 35 lebuh raya Kuala Lumpur - Karak tersingkap suatu zon ricih sepanjang lebih 100 m. Zon ricih ini merupakan sebahagian daripada jalur singkapan Genting Sempah. Zon ini terapit oleh Rijang Gombak di bahagian timur dan oleh Skis Selut di baratnya. Kedua-dua Rijang Gombak dan Skis Selut berumur Paleozoik. Batuan zon ricih ini terdiri daripada milonit, filonit, lutit yang mengandungi klasta-klasta kuarza, skis kuarza, skis kuarza-mika, skis grafit, filit, rijang, metaargilit, beberapa jenis batu pasir, baut lumpur dan konglomerat. Secara umum batuan Paleozoik ini menjurus ke arah barat laut dan miring ke timur laut. Jujukan struktur yang terdapat di sini ialah mendatan, lipatan rebah yang berkaitan dengan sesar sungkup songsang ke arah barat, lipatan condong yang berkaitan dengan sesar jurus dan sesar normal yang menempati satah-satah sesar yang telah sedia ada.
